

**Metodologi Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Rintis di
Institut Bahasa Antarabangsa, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)**

*[Arabic Language Teaching Methodology: A Pilot Study at The
International Language Institute, Sultan Ismail Petra
International Islamic University College (KIAS)]*

**Mohammad Jawwad bin Yusnan¹, Linamalini binti Mat Nafi² & Nurin
Zahidah binti Ahmad Zainuddin³**

¹ (Corresponding Author) Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, jawwad@kias.edu.my

² Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia, drlinamalini@kias.edu.my

³ Pembantu Penyelidik, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730, Malaysia

ABSTRACT

Nowadays, Malaysians regardless of ages, faiths, and ethnicities are interested in learning Arabic. Research conducted by Che Radiah & Masittah (2011) indicates that children, teenagers, adults, and even the elderly have demonstrated the ability to acquire Arabic, either through formal or informal means. Arabic may be studied not only in classrooms and higher education institutions, but also at mosques, suras, public and private Arabic education facilities, etc. Muhammad Sabri (2015) asserts that the Arabic language is fundamental to every Muslim worshiper. It is unsurprising that one of the primary motivations for individuals taking an Arabic language course is to enhance their understanding and deepen their knowledge of religion. This study was conducted to analyze the Arabic language teaching methodology in several Arabic language study centers in Malaysia as well as the factors of Arabic language learning among course participants.. This study applied qualitative study with an interview method. It is anticipated that the study's findings will assist curriculum designers in creating student-centered modules.

Keywords: *Teaching Methodology; Arabic language; Language centre; Arabic learning*

ABSTRAK

Mempelajari bahasa Arab di Malaysia pada masa kini telah mendapat perhatian dari semua lapisan umur, agama mahupun bangsa. Kajian oleh Che Radiah & Masittah (2011) menunjukkan bahawa kanak-kanak, remaja, dewasa, dan juga orang tua, cenderung belajar bahasa Arab secara formal atau tidak formal. Bahasa Arab bukan hanya boleh dipelajari di sekolah dan IPT malah ia turut dipelajari sama ada di masjid, surau, pusat pendidikan Arab awam dan swasta dan lain-lain. Menurut Muhammad Sabri (2015), semua amal ibadah umat Islam mempunyai kaitan langsung dengan penggunaan bahasa Arab. Maka tidak hairanlah, di antara tujuan utama mereka mengikuti kursus bahasa Arab adalah untuk memahami dan mendalami ilmu agama. Justeru, kajian ini dilakukan bagi menganalisis metodologi pengajaran bahasa Arab di beberapa pusat pengajian bahasa Arab di Malaysia serta faktor-faktor pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan peserta kursus. Kajian ini mengaplikasikan kajian kualitatif melalui kaedah temu bual. Hasil kajian diharapkan dapat membantu penggubal kurikulum ke arah penyediaan modul yang memenuhi keperluan pelajar.

Kata Kunci: Metodologi Pengajaran; Bahasa Arab; Pusat Bahasa; Pembelajaran bahasa Arab

How to Cite:

Received : 31-01-2023
Accepted : 19-05-2024
Published : 27-05-2024

Yusnan, M. J., Mat Nafi, L. & Ahmad Zainuddin, N. Z. (2024). Metodologi Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Rintis di Institut Bahasa Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 5(1), 1-16.

1. Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang dituturkan oleh lebih daripada 223 juta manusia seluruh dunia dan merupakan bahasa utama di kebanyakan negara di kontinental Arab serta bahasa kedua di kebanyakan negara-negara majoriti penduduknya beragama Islam seperti Tanzania, Chad, Djibouti dan beberapa negara di Afrika. Ia juga merupakan bahasa yang diajarkan semenjak dari kecil di negara-negara majoriti Islam di Nusantara seperti Malaysia, Brunei dan Indonesia.

Muhd Sukki (2013) menyatakan, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah lama bermula dan menurut Hassan Basri (2005) ia telah bermula sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi kira-kira pada kurun ketujuh, kelapan ataupun keempat belas dengan kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu melalui pedagang-pedagang dari negara Arab.

Kajian ini bertujuan untuk i) mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan peserta kursus pengajian bahasa Arab untuk orang awam, ii) mengenal pasti faktor-faktor

yang mendorong peserta mengikuti kursus bahasa Arab yang ditawarkan di pusat-pusat pengajian bahasa Arab dan iii) mengenal pasti metodologi pengajaran bahasa Arab yang digunakan di pusat-pusat pengajian bahasa Arab yang terpilih di Malaysia. Kajian rintis ini dilakukan bagi menganalisis metodologi pengajaran dan faktor pemilihan pusat pengajian bahasa Arab. Responden kajian rintis ini telah dipilih dari kalangan peserta Kursus Bahasa Arab Universiti di Institut Bahasa Arab (IBA), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

2. Kajian Literatur

2.1 Bahasa Arab di Malaysia

Di Malaysia, pendidikan bahasa Arab mula ditekankan kepada para pelajar semenjak awal pengajian mereka di peringkat tadika atau sekolah rendah (Muhammad Hafizuddin, 2020). Usaha ini diteruskan lagi sehingga ke peringkat menengah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan membentuk kurikulum untuk diguna pakai di sekolah-sekolah agama rakyat dan negeri sehingga pada tahun 1996, bahasa Arab secara rasminya telah menjadi sebahagian daripada kurikulum pendidikan di Malaysia sebagai bahasa asing (Dedek et.al, 2017).

Mengikut Abdul Razif (2019), jika diamati apa yang telah terkandung di dalam akta pendidikan, status bahasa Arab adalah bahasa asing, maka bahasa Arab itu turut diklasifikasikan setaraf dengan bahasa Jepun, Jerman atau Perancis yang mana turut diwartakan sebagai bahasa asing. Menurut Akta Pendidikan (1996), bahasa-bahasa yang telah diklasifikasikan sebagai bahasa asing hanya boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian.

Walaupun bahasa Arab diklasifikasikan sebagai bahasa asing di peringkat menengah, namun ia mula diperkenalkan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terdiri daripada universiti awam mahupun swasta dan juga kolej-kolej tempatan dengan penawaran kursus-kursus yang berteraskan bahasa Arab sama ada sebagai medium utama dalam pembelajaran ataupun sebaliknya (Hussin et al., 2020). Bahasa Arab juga ditawarkan sebagai kursus ijazah, kursus wajib ataupun elektif, kelas bahasa Arab, pelatihan bahasa Arab, bengkel bahasa Arab, serta program-program bahasa Arab untuk tujuan khusus (Dedek, Maimun Aqsha & Irma Martiny, 2017).

2.2 Pusat Pengajian Bahasa Arab di Malaysia

Istilah pusat yang ditakrifkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud punca atau tumpuan berbagai-bagai kegiatan dan tempat yang menjadi punca segala aktiviti, tempat terdapatnya atau berlakunya pelbagai kegiatan dan sebagainya yang utama atau tertentu (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, t.t). Oleh yang demikian, istilah “Pusat Bahasa” merujuk kepada tempat bagi melaksanakan atau menjalankan pelbagai program dan aktiviti berkenaan dengan bahasa sama ada bahasa Melayu, Arab atau Inggeris. Justeru, pusat bahasa Arab mempunyai target dan bidang khusus yang ingin ditekankan oleh pengusaha. Malah ia juga menjadi nadi penggerak dalam memperkasakan dan memastikan perkembangan pembelajaran bahasa Arab selain daripada aliran arus perdana yang menjadi silibus kementerian pendidikan.

Antara tugas lain pusat bahasa Arab ialah menjalankan kerja penyelidikan dan penerbitan untuk mempertingkatkan kebolehan berkomunikasi pelajar yang mengikuti kursus di pusat yang dipilih. Modul yang berkesan menjadi tunjang utama bagi membantu tenaga pengajar dan pelajar untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Modul yang baik perlu dirangka bagi menepati kehendak masyarakat yang pelbagai latar belakang dan peringkat umur supaya menjadi salah satu daya penarik pelajar bagi mendaftarkan diri di pusat bahasa Arab tersebut.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan dengan menggunakan kombinasi kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif yang dinamakan Kaedah Penelitian Gabungan (*Mixed Method Research*) yang merangkumi teknik, metod, pendekatan atau bahasa di dalam satu kajian. Ia juga merujuk kepada metodologi kajian dalam kajian sistematik melibatkan data kuantitatif dan kualitatif

3.2 Instrumen Kajian

Sebanyak dua jenis instrumen digunakan dalam kajian ini bagi tujuan memperoleh data. Instrumen-instrumen tersebut ialah kaji selidik dan temu bual. Data yang diperolehi digunakan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan peserta kursus pengajian Bahasa Arab, mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong peserta mengikuti kursus Bahasa Arab yang ditawarkan di pusat-pusat pengajian

Bahasa Arab yang terlibat dan mengenal pasti metodologi pengajaran Bahasa Arab yang digunakan di pusat-pusat pengajian Bahasa Arab tersebut.

i) Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan instrumen merujuk kepada kemampuan instrumen untuk mengukur apa-apa yang sepatutnya diukur dan seterusnya membenarkan interpretasi tahap yang sesuai. Ia juga bermaksud sesuatu instrumen mempunyai kesahan untuk tujuan dan kumpulan yang tertentu (Noraini, 2010).

Kesahan kandungan pula, bermaksud kandungan pemboleh ubah dalam ujian atau soalan dalam soal selidik tepat mengukur konsep yang ingin kita ukur. Menurut Mohd Majid (1990), sesuatu instrumen itu dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya ia dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan. Kesahan kandungan akan dinilai dengan menguji perancangan dan prosedur yang digunakan dalam membina instrumen. Untuk tujuan tersebut, item-item dalam instrumen dirujuk kepada pakar.

Justeru, kesahan muka bagi instrumen kajian ini telah dicapai dengan mengambil kira pandangan responden kajian ketika menjalani ujian rintis. Keseluruhan responden mengakui dapat memahami instrumen yang digunakan dengan baik dan mereka juga berpandangan instrumen ini memberi input yang berguna kepada mereka terutama maklumat baharu berkenaan dengan strategi pembelajaran bahasa.

Kesahan kandungan borang soal selidik dan temu bual diambil kira daripada pandangan dan cadangan pakar penilai. Instrumen tersebut telah diserahkan kepada dua orang pakar sebelum kajian rintis dijalankan.. Mereka diminta untuk menyemak serta memberi pandangan dan cadangan tentang format dan kandungan instrumen. Secara keseluruhannya, item-item dalam instrumen kajian ini diakui mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur.

ii) Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan dikaitkan dengan darjah konsisten antara dua ukuran bagi perkara yang sama. Sebagai contohnya, jika kita mengukur pencapaian, kita mengharapkan nilai pencapaian yang sama jika kita menggunakan dua ujian yang sama pada masa yang berbeza. Dalam erti kata lain, kita membuat andaian bahawa berdasarkan ujian yang kita berikan, kita dapat meramalkan pencapaian pelajar dalam ujian yang sama tetapi pada masa atau suasana yang berbeza (Sulaiman, 1996).

Alfa Cronbach merupakan ujian yang paling popular dan selalu digunakan dalam mengukur ketekalan dalaman sesuatu konsep. Ia banyak

digunakan dalam penyelidikan kerana ia mampu mengukur kebolehpercayaan data dikotomi (Kamarul Shukri, 2009). Justeru, kaedah Alfa Cronbach digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap item dalam instrumen kajian ini. Dalam menentukan nilai kebolehpercayaan sesuatu instrumen, Sekaran (1992) menetapkan bahawa nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Nilai alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai Alfa melebihi 0.80 adalah dianggap baik.

Jadual 1: Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi Berdasarkan Konstruk

Konstruk	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Faktor 1	.843	10
Faktor 2	.880	10
Keseluruhan	.875	20

Sumber: Analisis pengakaji, 2023

Hasil analisis dalam Jadual 1 menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi keseluruhan item dalam instrumen kajian ini adalah tinggi iaitu 0.875. Berdasarkan pandangan Sekaran (1992), indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai bagi menjalankan ujian sebenar.

3.3 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas responden, pengkaji terlebih dahulu melakukan kajian rintis menggunakan instrumen yang dibentuk. Menurut Chua (2011), kajian rintis merupakan kajian awal yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan untuk melihat kebolehlaksanaan atau kemunasabahan sesuatu kajian yang akan dilakukan. Ia adalah bahagian penting bagi sebuah kajian yang baik. Tujuan utama kajian rintis ini dijalankan ialah untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang terkandung dalam instrumen kajian. Maklum balas yang diperolehi daripada kajian rintis tersebut digunakan untuk memurnikan item-item soal selidik. Ia juga bertujuan untuk mengatasi sebarang kesilapan atau kesamaran yang mungkin timbul hasil kekeliruan pelajar dalam memahami soalan-soalan yang dikemukakan.

Bagi mendapatkan maklum balas dan hasil penyelidikan yang berkualiti, satu kajian rintis metodologi pengajaran dan faktor pemilihan pusat telah dijalankan. Responden kajian rintis ini telah dipilih dari kalangan peserta Kursus Bahasa Arab Universiti di Institut Bahasa Arab (IBA), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Institut Bahasa Antarabangsa (IBA) telah ditubuhkan pada 16 Muharram 1440h bersamaan 26 September 2018 ialah satu institut yang

dipertanggungjawabkan untuk memberikan perkhidmatan pembelajaran bahasa-bahasa antarabangsa utama dunia. Fokus utama diberikan kepada modul-modul bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Mandarin dan ativiti terjemahan dan rujukan bahasa.

Terdapat tiga (3) modul untuk bahasa Arab yang ditawarkan iaitu yang pertama, Kursus Bahasa Arab Tinggi yang dijalankan selama 3 atau 4 bulan bagi persiapan pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat diploma atau ijazah di kolej atau universiti tempatan seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kursus ini kebiasaannya ditawarkan pada bulan Febuari hingga Mei dan amat sesuai bagi pelajar lepasan SPM.

Kursus Bahasa Arab Timur Tengah yang memfokuskan kursus tiga atau empat bulan bagi persiapan pelajar-pelajar yang berhasrat menyambung pelajaran di Timur Tengah seperti Universiti al-Azhar Mesir, Universiti Zaituniyyah di Tunisia dan Universiti Islam Madinah. Kursus ini kebiasaannya ditawarkan pada bulan Febuari hingga Mei bagi pelajar lepasan STAM atau SPM. Manakala, Kursus Bahasa Arab hujung minggu yang bertujuan untuk membolehkan orang-orang awam mempelajari bahasa Arab berteraskan modul seperti Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Arab Ibadat serta Bahasa Arab al-Quran yang dilaksanakan pada hujung minggu iaitu pada hari Jumaat atau Sabtu melibatkan masa pengajian antara 20 jam hingga 40 jam secara keseluruhan.

4. Hasil Kajian

4.1 Laporan Temu bual Tenaga Pengajar

Pada 4 dan 7 Ogos 2022, pengkaji telah menjalankan sesi temu bual bersama dua orang pensyarah yang terlibat dengan Kursus Bahasa Arab iaitu Puan Nasimah dan Ustaz Mahmoud di Institut Bahasa Antarabangsa bertempat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, Kota Bharu Kelantan. Tujuan pengkaji melakukan sesi temu bual tersebut adalah untuk mengenal pasti metodologi pengajaran bahasa Arab yang digunakan di pusat-pusat pengajian bahasa Arab yang terpilih di Malaysia. Perkara tersebut bertepatan dengan objektif ketiga kajian ini yang mana memerlukan pengkaji untuk menjalankan sesi temu bual dengan tenaga pengajar kursus tersebut. Semasa melaksanakan sesi temu bual bersama kedua-dua informan, pengkaji telah mengutarakan beberapa soalan yang berkaitan dengan metodologi pengajaran bahasa Arab di pusat-pusat pengajian bahasa Arab di Malaysia.

Terdapat beberapa metodologi yang digunakan oleh tenaga pengajar sepanjang sesi kursus diadakan. Menurut kedua-dua informan yang telah

ditemu bual, rata-rata peserta memberikan maklum balas yang positif setelah sebulan mereka menyertai kursus tersebut. Soalan pertama yang pengkaji ajukan kepada para informan ialah mengenai pendekatan yang diambil oleh tenaga pengajar bagi menarik minat pelajar bagi pengajian bahasa Arab.

Dapatan kajian temu bual mendapati bahawa informan telah menerangkan kaedah pembelajaran yang dijalankan di IBA, menerapkan elemen gabungan empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran bertutur, menulis, membaca dan mendengar. Keempat-empat kemahiran bahasa ini disampaikan melalui kaedah pengajaran secara interaktif. Bagi merealisasikan penggunaan bahasa Arab semasa kursus, informan telah menggunakan sepenuhnya bahasa Arab supaya peserta terbiasa dengan suasana sebegini. Pernyataan ini dapat dilihat menerusi hasil temu bual bersama informan di bawah:

Informan 1:

“Mula-mula, ustazah akan tengok pelajar tu tahap bahasa Arab dia macam mana. Ustazah buat taa’ruf dalam Bahasa Arab. Kalau dia boleh jawab, maksudnya ok lah. Kebanyakan pelajar boleh jawab. Ada juga pelajar yang suruh kawan dia tolong cakap. Kursus tersebut saya guna bahasa Arab sepenuhnya. Saya mengajar subjek Maharatul Kalam. Saya terangkan dalam bahasa Arab jugak supaya dia dengar dan boleh cakap juga. Untuk pelajar berani cakap, dalam dewan saya bagi mikrofon supaya dia bercakap. Mereka berdiri di hadapan dan jadi berani. Perkataan-perkataan sudah kita beri, seterusnya ialah diorang perlu praktikal.”

Informan 2:

“Untuk mana-mana silibus yang menggunakan cara mengajar yang berbeza, itupun kita akan tengok kepada modul dan cara susunan dia. Jadi para pengajar, dia akan cari pendekatan yg sesuai untuk meningkatkan kualiti pelajar dari segi kefahaman. Kebiasaanya, cara pengajaran akan naik berperingkat maksudnya daripada mudah ke susah, dan akan memecahkan antara pembelajaran dan pengajian bahasa Arab sama ada taklim atau dirasat. Yang dimaksudkan dengan taklim al-lughah ialah pengajian tentang struktur bahasa Arab. Kepentingan dia adalah untuk buat ayat dan memudahkan peserta untuk bertutur. Adapun untuk dirasat al-lughah, fokus kepada empat perkara iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dan dipecahkan cara pengajaran yg berfokus kepada cara pandangan dan falsafah. Uslub tu kita buat aktiviti dalam kelas menggunakan pendekatan yg berbeza”

Selain itu, soalan kedua berkaitan respon pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Rata-rata peserta memberikan reaksi yang positif

terhadap penglibatan kursus. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar pasti akan memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap sesuatu bahasa yang mereka pelajari. Pelajar yang kurang bermotivasi adalah sukar bagi mereka untuk berjaya dalam sesuatu bahasa yang mereka pelajari kerana pembelajaran memerlukan dorongan dan minat. Kenyataan ini dapat dilihat daripada hasil temu bual bersama informan.

Informan 1:

“Respon mereka Alhamdulillah semua baik. Pelajar masuk kelas tepat masa dan apa kerja yang ustazah bagi, mereka siapkan. Pelajar seronok untuk belajar bahasa Arab.”

Informan 2:

“Pelajar mungkin ada perasaan takut kerana dia tidak membuat persiapan yang rapi, sebab berkemungkinan daripada kesan daripada pengajian sekolah. Tetapi, alhamdulillah setelah menyertai IBA, peserta mendapat respon yang positif selepas 2,3 hari bermula kelas.”

Seterusnya ialah mengenai tahap komitmen pelajar terhadap pembelajaran menurut kedua-dua informan adalah berada pada tahap yang memberangsangkan. Menurut Ab. Halim & Wan Muhammad (2016), kejayaan sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya dan nahu khususnya bukanlah terletak kepada kurikulum, kecekapan dan kaedah pengajaran guru semata-mata. Walhal, sikap pelajar sama ada positif terhadap mata pelajaran yang dipelajari merupakan faktor utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Informan 1:

“95 peratus mereka boleh jawab soalan-soalan yang ada dalam nota dan apa yang ustazah tanya, mereka boleh jawab, faham. Tapi sebelum jawab, mereka fikir dulu.”

Informan 2:

“Komitmen para pelajar amat memberangsangkan. Nampak yang mereka mula pandai menyesuaikan diri dalam kursus ini pada akhir minggu pertama.”

Temu bual yang seterusnya adalah mengenai modul yang diberikan kepada para pelajar sama ada bersesuaian atau tidak. Kedua-dua informan menyatakan rasa puas hati terhadap modul kerana, ciri-ciri modul yang

disediakan adalah menepati objektif kursus di samping meraikan kebolehan bahasa peserta dan merangkumi aktiviti dalam dan luar bilik darjah. Menurut Nor Yazidah et.al (2016), penyediaan modul yang terancang dan jelas matlamatnya akan membantu para peserta untuk menguasai Bahasa Arab. Justeru, langkah penyediaan modul interaktif oleh IBA merupakan satu langkah ke hadapan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Kenyataan ini didapati daripada hasil temu bual bersama informan.

Informan 1:

“Modul tersebut sesuai kerana susunan kata yang menepati objektif pengajaran kita tapi kalau boleh tambah lagi dengan suasana kita. Jangan ambil yang Orang Arab guna kerana apa yang kita guna di Malaysia lain. Banyakkan tentang hiwar yang sesuai dengan orang Malaysia. Selain daripada tu, ada lajyah, kitobah, nahu dan sarf.”

Informan 2:

“Ya. Modul yg diberikan bersesuaian dengan para pelajar yg mana pengkaji telah pilih silibus yang sesuai dan diambil kira dia punyai tahap kebolehan para pelajar. Silibus diambil daripada tajuk-tajuk yang sesuai berdasarkan objektif yang diletakkan untuk program tersebut.”

Selain itu, temu bual juga menjurus kepada tempoh dan masa mengajar ditetapkan sepanjang sesi pembelajaran diadakan. Informan diberikan jam waktu mengajar yang fleksibel.

Informan 1:

“Kalau ustazah diberi 18 jam satu bulan. Mungkin 2 atau 4 jam seminggu. Bukan tiap-tiap hari, dari pukul 8 hingga 10 malam, Sabtu pun ada. Jumaat sahaja cuti.”

Informan 2:

“Masa mengajar tersebut diambil kira daripada keupayaan peserta kerana program ini merupakan bengkel jadi tempoh waktu pengajaran adalah dari pagi hingga malam iaitu daripada 8 hingga 10, 11 hingga 1, 2 hingga 4 dan 8 hingga 10 dan untuk sesi pengajaran sehari adalah selama 8 jam selama sebulan.”

Soalan keenam ialah mengenai cadangan yang diutarakan untuk menarik minat pelajar belajar di pusat bahasa Arab”. Kejayaan dalam mempelajari sesuatu bahasa kedua atau bahasa asing termasuklah pembelajaran bahasa nahu merupakan hasil daripada tindak balas secara bersepadu di antara tiga faktor penting iaitu guru, pelajar dan kursus itu sendiri. Salah satu cadangan informan ialah supaya memperbanyakkan aktiviti yang menggunakan kaedah hiwar. Dalam Islam, kaedah ini sudah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam mengajarkan agama kepada umatnya. Baginda sering berdialog dengan sahabat bagi memberikan pemahaman kepada mereka. Menurut Maiun (2009), penggunaan gambar atau objek dalam kemahiran *hiwar* dapat membantu dalam menghubungkan gambar dan suara, justeru dapat mengurangkan tahap kebergantungan seseorang individu terhadap bahasa ibunda. Kenyataan untuk memperbanyakkan *hiwar* daripada informan adalah seperti di bawah:

Informan 1:

“Kalau boleh tambah lagi dengan suasana kita. Jangan ambil yang Orang Arab guna kerana apa yang kita guna di Malaysia lain. Banyakkan tentang hiwar yang sesuai dengan orang Malaysia. Selain daripada tu, ada lajhah, khitobah, nahu dan sorf.”

Informan 2:

“Saya rasa kebertanggungjawaban saya sebagai seorang muslim untuk menyebarkan bahasa Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa muslim dan bahasa ilmu. Saya menggalakkan para peserta untuk bertukar suasana pembelajaran supaya lebih menarik. Dan bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar, saya mencadangkan supaya kita memberi galakan supaya peserta membuat kerja dalam kumpulan dan mengenali tenaga pengajar. Dan disitu banyak perbincangan, percakapan antara peserta dan benda ni perlu diteruskan supaya peserta dapat merasakan kebolehan diri mereka berada di tahap yang tinggi. Dan terakhir ialah bantuan daripada teknologi.”

4.2 Laporan Temubual Pengusaha Institut Bahasa Antarabangsa (IBA)

Pada 7 Ogos 2022, pengkaji telah berpeluang menjalankan sesi temu bual bersama pengusaha Institut Bahasa Antarabangsa (IBA) iaitu Dr. Mohd Azhar bin Abdullah. Beliau telah mengendalikan pusat tersebut selama dua tahun. Tujuan pengkaji melakukan sesi temu bual tersebut adalah untuk mengenal pasti metodologi pengajaran bahasa Arab yang digunakan di pusat-pusat pengajian ahasa Arab yang terpilih di Malaysia. Semasa melaksanakan sesi

temu bual bersama informan, pengkaji telah mengutarakan beberapa soalan yang berkaitan dengan metodologi pengajaran bahasa Arab di pusat-pusat pengajian ahasa Arab di Malaysia. Temu bual pengkaji dimulakan dengan pertanyaan mengenai matlamat, visi dan misi Pusat Kursus Bahasa Arab. Institut Bahasa Antarabangsa (IBA) terletak di bawah pentadbiran terus Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). IBA menawarkan beberapa program yang menyediakan instruksi bahasa Arab, Inggeris, Melayu dan Mandarin secara intensif kepada pelajar antarabangsa yang ingin memasuki universiti, atau untuk kegunaan peribadi atau profesional lain melalui tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman. matlamat, visi dan misi pusat telah dinyatakan oleh pihak informan seperti berikut.

Informan :

“Visi IBA ialah menjadi peneraju bahasa antarabangsa yang unggul di rantau ini manakala misi ialah untuk memperkasakan modal insan rabbani yang menguasai bahasa antarabangsa bagi menerokai pelbagai ilmu, bidang dan kemahiran untuk memimpin ketamadunan Islam. Adapun matlamat IBA ada 3. Yang pertama ialah memantapkan ilmu dan kemahiran bahasa antarabangsa yang utama di dunia menerusi pembelajaran bahasa secara holistik. Kedua ialah menjadi pusat rujukan utama bagi pembelajaran bahasa antarabangsa dan terjemahan. Dan ketiga ialah memperluas jaringan akademik dan intelek melalui pengantarabangsaan Bahasa di Nusantara, Asia, Timur Tengah dan Barat dan Eropah.”

Selain itu, penyelidik juga menemubual informan mengenai sambutan daripada para peserta terhadap pusat bahasa Arab. Berdasarkan hasil dapatan kajian soal selidik yang telah diedarkan melalui *google form* yang melibatkan 30 orang responden, rata-rata mereka sangat berpuas hati dengan pemilihan pusat Bahasa Arab IBA, KIAS.

Informan:

“Kalau kita tanya mereka memang mereka tiada masalah, yang selebihnya tu kita kena tengok melalui soal selidik”

Di samping itu, strategi pemasaran pusat bahasa Arab adalah berkait rapat ke arah menarik minat para pelajar untuk menyambung belajar di pusat tersebut. IBA mempunyai jalinan hubungan yang kuat dengan pimpinan masyarakat supaya dapat memudahkan urusan dalam mencari para pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di dalam

negara atau luar negara. Berikut merupakan kenyataan informan mengenai perkara tersebut.

Informan:

“Strategi untuk tarik lebih ramai peserta ialah kita dapat kerjasama dari kerajaan negeri Kelantan, masyarakat setempat, pimpinan-pimpinan masyarakat. Kita buat hubungan baik dengan masyarakat dan cari penaja. Setiap wakil rakyat menaja setiap peserta Kawasan yang dipilih. Tu pun masalah juga, mula-mula jadi mula-mula tidak jadi sebab kursus tu sebulan, jadi cabaran kepada pelajar yang baru habis SPM sebab mereka nak rehat. Jadi, nak Tarik tu memerlukan promosi yang meluas. Jadi hanya 2,3 orang jelah yang tidak kita sponsor. Jadi, sekiranya kita tunggu peserta yang tidak ditaja, jadi berkemungkinan kursus kita tu akan *terbantutlah*. Jadi, kita kena mahirkan mereka. Sebab *luqhah Bahasa Arab lebih kuat*. Jadi, sumber ilmu kita adalah kitab-kitab klasik.”

Menurut informan, latar belakang tenaga pengajar adalah penting supaya mereka mampu menghasilkan cara penyampaian yang jelas dan menarik serta sesuai dengan bidang kepakaran iaitu bidang bahasa Arab. Mereka yang tidak berkeupayaan dan tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tepat terhadap sesuatu bidang, tidak boleh diambil sebagai tenaga pengajar pusat kursus ini supaya pelajar dapat mempelajari sesuatu yang tepat untuk dipelajari. Bagi seseorang guru bahasa Arab, pilihan pengajarannya mestilah yang mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang bahasa iaitu merangkumi aspek kemahiran, morfologi, retorik dan sintaksis (Nazri Atoh et.al, 2014). Kenyataan mengenai pemilihan tenaga pengajar dapat dilihat menerusi temu bual pengkaji bersama informan.

Informan:

“Pemilihan pertama ialah pakar-pakar bahasa Arab dari universiti kerana kita melaksanakan program bahasa Arab peringkat university contohnya ialah kursus bahasa Arab, bahasa inggeris dan bahasa cina. Jadi setakat ini, kita tidak ambil pensyarah luar yang tidak mengajar di KIAS kecuali bahasa Cina kerana kita nak pelajar belajar daripada orang yang mengajar mempunyai latar belakang universiti supaya pelajar secara tidak langsung mendapat pendedahan kerana kursus yang ditawarkan ialah peringkat tinggi.”

Seterusnya ialah soalan mengenai faktor pemilihan modul pengajaran di Pusat Bahasa Arab. Bagi peserta kursus ini, IBA menggunakan kursus Bahasa Arab Tinggi dan Kursus Bahasa Arab Timur Tengah bagi persiapan

kepada para pelajar yang berhasrat untuk menyambung pelajaran sama ada di dalam Malaysia atau luar Malaysia iaitu Timur Tengah.

Informan:

“Perkhidmatan kepakaran akademik bagi semua bahasa utama dunia. Fokus utama diberikan kepada modul-modul Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan ativiti terjemahan dan rujukan Bahasa.”

Secara keseluruhannya, pelajar dilihat seronok dan bersemangat untuk menjalani kursus. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temubual bersama informan.

Informan:

“Peserta seronok untuk belajar dan setakat ini belum ada aduan mengatakan bahawa mereka tidak OK belajar di sini.”

Di samping itu, soalan penyelidik menjurus kepada keistimewaan kursus yang dapat diperoleh peserta setelah tamat kursus di pusat bahasa Arab. IBA mempunyai tenaga pengajar yang pakar dalam bidang bahasa Arab dan menyediakan kemudahan infrastruktur yang kondusif bagi memberikan keselesaan kepada para peserta untuk belajar dengan tenang sepanjang sebulan di pusat tersebut. Di samping yuran yang digunakan untuk menyertai kursus ini adalah berpatutan dan berbaloi.

Informan:

“Kita ada dokongan padu Kerajaan Negeri Kelantan, dalam usaha menjadikan negeri Kelantan sebuah pusat pengajian bahasa antarabangsa. Kita ada tenaga pakar bahasa antarabangsa yang mencukupi. Selain itu, fasiliti dan kemudahan asrama, bilik darjah, dewan, makmal bahasa dan studio yang mencukupi bagi kursus jangka pendek 2-4 bulan serta kita ada kemudahan asrama dalam kampus pengajian yang memudahkan dan menjimatkan kos serta menjamin kawalan lebih berkesan. Di samping itu, kos yuran pengajian yang rendah kerana lialibiti pengurusan KIAS masih murah seperti elaun pensyarah dan yuran asrama yang murah. KIAS berpengalaman menjalankan kursus awam lebih 15 tahun, membuktikan penawaran pengajian KIAS ada kelebihan.”

Akhir sekali, penyelidik bertanyakan mengenai urus tadbir kursus yang dipraktikkan di pusat bahasa Arab tersebut. IBA sangat praktikal dalam

menguruskan hal ehwal tadbir kursus di samping memperkasakan kemahiran bahasa Arab yang sentiasa menjadi bahasa terpenting untuk dipelajari.

Informan:

“Urus tadbir kursus ialah kita mengenal pasti dan menghormati hasrat pelajar untuk memberi khidmat pembelajaran bahasa yang efektif untuk memperkasakan kemahiran bahasa. Selain itu, IBA juga memberikan perkhidmatan bahasa yang berdasarkan piawaian pihak berkenaan sama ada dalam negara dan luar negara serta mengadakan pendidikan bahasa melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Di samping itu, IBA menyediakan dan memberikan latihan kemahiran dan kepakaran bahasa antarabangsa bagi tenaga pengajar melalui latihan, kursus dan pertukaran kepakaran dalam dan luar negara serta menjalankan aktiviti terjemahan dan rujukan secara profesional dan mengikut piawaian dan tahap yang terbaik.”

5. Penutup

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan gambaran mengenai keperluan pusat bahasa Arab di Malaysia yang memenuhi keperluan peserta. Menerusi kajian ini, pengkaji telah berjaya mengenal pasti apakah faktor peserta mempelajari bahasa Arab yang seterusnya menjadi faktor pemilihan pusat pengajian bahasa Arab. Di samping itu, pengkaji dapat mengetahui metodologi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dan pengusaha pusat bahasa Arab. Berdasarkan kesahan item instrumen kajian ini juga, pengkaji dapat meneruskan kajian data sebenar terhadap responden yang lain.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad & Wan Muhammad Wan Sulong. (2016). *Minat dan Sikap Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia Terhadap Bahasa Arab*. Universiti Putra Malaysia. Selangor, Malaysia.
- Abd Razak, N. S., Ismail, A. M., & Abu Bakar, K. (2015). Analisis Keperluan Bahasa Arab untuk Tugas Rasm Anggota Tentera Malaysia di Negara Arab. *Internasional Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3(September 2017), 79-90. Retrieved from <http://ijleal.ump.edu.my/>
- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.
- Bahrn, S., Afifah, S., & Mulyono, S (2018). *Rancang Bangun Sistem Informasi Survey*.
- Cresswell, J. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Research* (4th ed). Boston: Pearson Education Inc.

- Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasin, N. S. A. W. (2017). Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif Di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 78-93.
- Gay, L.R. dan Airasian, P., (2000). *Educational Research*. New Jersey: Prentice-Hall Inc
- Hair, J.F.J., Anderson, R.E., Tatham, R.L., Black, W.C., 1998. *Multivariate Data Analysis*, 5th edn, Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- <http://ejbl.kuis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/51/20>
- Jamali, H. N., Zulkifli, M. S., Hj Ikhsan, H., & Ismail, H. A. (2015). Keperluan Pusat Bahasa Arab Di Malaysia : Satu Kajian Rintis di KUISCELL, (May).
- Hussin, M. H., Awang Ali, M. A., & Abdul Rahim, A. H. (2020). Keberkesanan Modul Pengajaran Durus Al Lughah Al- ' Arabiyyah Li Ghayri Al-Natiqina Biha (Pelajaran-Pelajaran Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Arab) Terhadap Pelajar Pemula Bahasa Arab Kolej UNITI Kota Bharu The Effectiveness Of The Durus Al Lughah Al- ' . *E-JURNAL BAHASA DAN LINGUISTIK*, 3(1), 79–92.
- Nazri Atoh, Saipolbahrin Hj. Ramli, & Mohd Zawawi Ag. Hamat, (2014). Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA.
- Nik Farhan Binti Mustapha, Che Radiah Binti Mezah, H. B. K. (2015). Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2, 101–115.
- Nor Yazidah Yahya et.al.2016. Kerangka Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Warga Emas. *e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016*. 14-15 March 2016, Kuala Lumpur, Malaysia
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. 2nd Edition. New York: Mc-Graw Hill.
- Maimun Aqsha Lubis.2009. Keunggulan kaedah Elektik Sistemik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*. Vol 1 no 2, 29-38.
- Mohd Shahrizal, N., Muhammad Sabri, S. & Mohd Firdaus, Y. (2015). Tinjauan persepsi pembelajaran bahasa Arab untuk tinjauan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat Muslim awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* (30) 1, 51-72. Retrieved from <http://irep.iium.edu.my/44263/>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (t.t). Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pusat> [26 November 2023]
- Ruslimi Bin Zakaria, Mohd Sani Bin Ismail dan Rosdi Bin Zakaria (2019). Kepentingan Penerapan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Proceeding The 1st International Language, Culture and Education Conference 2019 “ Language, Culture and Education as Gateways to New World Paradigm”* (ms 172-177)
- Viktor H., Widiatry, Ressa P., & Putu B., (2019). Pengembangan Aplikasi Kuesioner Survey Berbasis Web Menggunakan Skala Likert dan Guttman. *Universitas Palangka Raya, Palangka Raya*.